

# 40 pusat pemindahan banjir sudah ditutup

**IPOH** – Sehingga jam 6 petang, semalam sebanyak 40 pusat pemindahan mangsa banjir di Perak membabitkan empat daerah iaitu Hulu Perak, Kuala Kangsar, Perak Tengah dan Kerian ditutup sepenuhnya.

Majlis Keselamatan Negara (MKN) dalam kenyataannya semalam memaklumkan, keadaan itu membabitkan 2,159 mangsa dan 635 keluarga dibenarkan pulang ke kediaman masing-masing.

Antara pusat pemindahan yang ditutup adalah empat di Hulu Perak, 26 buah di Kuala Kangsar dan lapan di Perak Tengah.

Penutupan dua pusat pemindahan di Kerian iaitu di Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Merah dan SK Alor Pongsu yang sebelum ini menempatkan 104 mangsa dari 30 keluarga menjadikan daerah itu pulih sepenuhnya dari banjir.

Situasi banjir di negeri ini semakin menunjukkan tanda positif menjadikan jumlah mangsa semakin menyusut kepada 4,956 orang membabitkan 1,385 keluarga.

Hanya tinggal 28 pusat pemindahan yang masih beroperasi iaitu 11 di Hulu Perak, Perak Tengah (12), Kuala Kangsar (3) sementara masing-masing satu di Hilir Perak dan Manjung.

Tiada banyak perubahan dilihat terhadap kedudukan mangsa banjir di Manjung dan Hilir Perak apabila mencatatkan pertambahan antara empat hingga 10 mangsa, berbanding Isnin lalu.

Manjung merekodkan 160 mangsa berbanding 150, manakala Hilir Perak 304 orang berbanding 300 mangsa.

Daerah Perak Tengah yang mempunyai bilangan paling ramai mangsa dipindahkan turut menunjukkan penurunan mangsa apabila merekodkan 3,834 orang berbanding 4,493, sebelumnya.